



**TALKING POINTS
AMANAT TAHUN 2022**

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

25 JANUARI 2022

PENDAHULUAN

1. TERCETUSNYA IDEA UNTUK MENJADIKAN TEMA **“CABARAN DIDEPANI, ASPIRASI DIGAPAI”** ADALAH SELARI DENGAN SITUASI DAN CABARAN YANG SEDANG DAN BAKAL KITA HADAPI BERSAMA. PANDEMIK COVID-19, TELAH BANYAK MEMBERI PERUBAHAN KEPADA PERSEKITARAN KEHIDUPAN DAN AMALAN SEHARIAN KITA. PERUBAHAN INI, MEMBERI IMPAK YANG BESAR DALAM DUNIA PEKERJAAN DAN PERKHIDMATAN KITA. NORMA BAHARU DAN PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP) YANG DITETAPKAN OLEH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) PERLU DITERIMA PAKAI DAN DIADAPTASI SECEPAT DAN SEBAIK MUNGKIN.

2. TAHUN 2021, MENYAKSIKAN COVID-19 INI MENULAR SEHINGGA IA MENCAPAI REKOD **SEBANYAK 24,599 KES HARIAN** DAN MENGAKIBATKAN **393 KEMATIAN PADA 26 OGOS**. PELBAGAI LANGKAH PROAKTIF TELAH DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBENDUNG PANDEMIK COVID-19. USAHA BERSAMA ANTARA KERAJAAN DAN RAKYAT TELAH MEMBUAHKAN HASIL APABILA MUTAKHIR INI, JUMLAH JANGKITAN TELAH MENCATATKAN PENURUNAN SEHINGGA **SEKITAR 3 RIBU KES HARIAN**.

3. WALAU BAGAIMANAPUN, MELIHAT KEPADA PENINGKATAN KES SEMASA PADA HARI INI DI NEGARA-NEGARA SEPERTI AMERIKA SYARIKAT, PERANCIS DAN UNITED KINGDOM, KITA PERLU SENTIASA BERWASPADA DENGAN WABAK

COVID-19 INI, TAMBAHAN PULA DENGAN KEMUNCULAN VARIAN BAHARU SEPERTI OMICRON. UNTUK ITU, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH TERTENTU UNTUK BERSIAP SIAGA BAGI MENGHADAPI SEBARANG PENULARAN DI NEGARA INI. KERAJAAN JUGA MEMERLUKAN SOKONGAN RAKYAT UNTUK TERUS PATUH KEPADA SOP DAN MENGAMALKAN KAWALAN KENDIRI.

4. KEPATUHAN DAN PENYESUAIAN KEPADA NORMA BAHARU INI, AKAN MENJADI SATU BUDAYA YANG TIDAK BOLEH KITA ELAKKAN. PERKARA INI, TIDAK BOLEH LAGI DIJADIKAN SEBAGAI ALASAN UNTUK KITA TIDAK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK, CEKAP DAN EFEKTIF. INI TERUTAMANYA DALAM USAHA KITA MENGEMBELING SUMBER YANG ADA,

TERMASUK SUMBER MANUSIA, KEWANGAN DAN TEKNOLOGI DALAM MENCAPAI HASRAT KERAJAAN BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES PEMULIHAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA.

5. TATKALA TAHUN 2021 MELABUHKAN TIRAINYA, KELUARGA MALAYSIA DIUJI DAN DIKEJUTKAN DENGAN **BENCANA BANJIR** YANG AGAK LUAR BIASA TERUTAMA DI NEGERI **SELANGOR, PAHANG, NEGERI SEMBILAN** DAN **BEBERAPA NEGERI LAIN**. BENCANA INI BUKAN SAHAJA TELAH MEMUSNAHKAN HARTA BENDA, MALAH MENYEBABKAN **KEHILANGAN 48 NYAWA** YANG MENJADI KORBAN BANJIR. INGIN SAYA ZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA DAN BERDOA SEMOGA MEREKA TABAH MENGHADAPI UJIAN INI.

6. DI SEBALIK TRAGEDI DAN KESEDIHAN INI, BENCANA BANJIR TELAH MENYERLAHKAN SEMANGAT KELUARGA MALAYSIA IAITU **KEBERSAMAAN DAN PENYATUAN** DALAM KALANGAN RAKYAT TANPA MENGIRA LATAR BELAKANG KAUM, AGAMA DAN PANGKAT.
7. DALAM MENDEPANI BENCANA BANJIR INI, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TIDAK HANYA BERPELUK TUBUH SAHAJA MALAH SELURUH JENTERA DAN KEKUATAN YANG ADA TURUT DIGERAKKAN BERSAMA-SAMA MEMBANTU DALAM OPERASI PASCA BANJIR.
8. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SELURUH WARGA KEMENTERIAN DAN SUKARELAWAN KITA YANG TERLIBAT DALAM USAHA INI.

IMBASAN TAHUN 2021

9. PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) YANG BERMULA DARI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021, TELAH MEMBERI IMPAK KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA. IMPAK UTAMA DARIPADA PKP ADALAH PENGURANGAN PENDAPATAN DAN KEHILANGAN PEKERJAAN. SELAIN ITU, PELAJAR-PELAJAR TIDAK DAPAT MENGIKUTI SESI PEMBELAJARAN SECARA FIZIKAL SAMA ADA DI SEKOLAH ATAU DI INSTITUSI PENGAJIAN YANG LAIN DAN INI SUDAH TENTUNYA MENJEJASKAN PEMBELAJARAN MEREKA.
10. WALAU BAGAIMANAPUN, DI SEBALIK KEKANGAN WABAK COVID-19, BANYAK JUGA **INISIATIF-INISIATIF YANG TELAH**

**DILAKSANAKAN OLEH KPN SEPANJANG
TAHUN 2021 DARI PERINGKAT
KEMENTERIAN HINGGA KE PERINGKAT
KOMUNITI.**

11. **TAHUN 2021 MENJADI SAKSI KEPADA
USAHA KEMENTERIAN MEMBERI
TUMPUAN KEPADA **PEMBANGUNAN
DASAR DAN PELAN-PELAN TINDAKAN
SEBAGAI IKHTIAR** BAGI MEMANTAPKAN
JENTERA-JENTERA PERPADUAN UNTUK
DIJADIKAN **SEBAGAI SEBUAH KITAB
RUJUKAN.****

12. ANTARA DOKUMEN DASAR DAN PELAN-
PELAN TINDAKAN YANG BERJAYA
DIBANGUNKAN:

**A. PENGHASILAN DOKUMEN DASAR DAN
PELAN TINDAKAN**

- i. DASAR PERPADUAN NEGARA DAN RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021-2030 YANG DILANCARKAN OLEH MANTAN YAB PERDANA MENTERI PADA 15 FEBRUARI 2021;

- ii. PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA (PTPN) 2021-2030 DAN KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021-2025 YANG DILANCARKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 28 NOVEMBER 2021;

- iii. PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030 DAN AGENDA KERJA KOMUNITI RUKUN TETANGGA (RT4ALL) OLEH

MANTAN YAB PERDANA MENTERI
PADA 28 FEBRUARI 2021; DAN

- iv. PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021 – 2030 BESERTA BUKU-BUKU PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABIKA PERPADUAN PADA 26 JULAI 2021

13. USAHA DAN IKHTIAR KEMENTERIAN TIDAK TERHENTI DI SITU SAHAJA. MALAH KEMENTERIAN JUGA DALAM PERINGKAT AKHIR PENYEDIAAN BEBERAPA PELAN LAIN YANG AKAN DILANCARKAN DALAM MASA YANG TERDEKAT IAITU:

- i. PELAN TINDAKAN MASYARAKAT INDIA (PTMI);

- ii. PELAN TINDAKAN RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*); DAN
- iii. MODUL KELAB RUKUN NEGARA (KRN) DAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN).

B. PELAKSANAAN PROGRAM DI BAWAH PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN RUKUN TETANGGA

I. MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK)

- **529,399 PENERIMA VAKSIN**

II. SKUAD UNITY RT CARES

- **53,718 PENERIMA KOTAK MAKANAN**

III. GERAK KERJA BANTUAN PASCA BANJIR

a) BANTUAN PEMBERSIHAN PREMIS

- **4,265 SUKARELAWAN KPN**

- 296 KRT

**b) KRT SEBAGAI PUSAT
PENGUMPULAN DAN
PENYAMPAIAN SUMBANGAN**

- 296 KRT
- 4,792 SUKARELAWAN
- 13,400 PENERIMA SUMBANGAN

c) DAPUR KOMUNITI

- 7 KRT
- 215 SUKARELAWAN

14. PENCAPAIAN KPI 100 HARI ASPIRASI
KELUARGA MALAYSIA MELALUI **TIGA (3)**
STRATEGI UTAMA:

STRATEGI 1:

MEMPERKUKUH PERANAN DAN
PENGLIBATAN KOMUNITI BAGI

**MENINGKATKAN PERPADUAN DAN
KELUARGA MALAYSIA**

PROGRAM KOMUNITI SEJAHTERA

a) RTCARES - 53,718 PENERIMA

**b) ZIARAH PERPADUAN – 1,534
PENERIMA**

**c) PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT
KOMUNITI**

- **6 PUSAT CMC DI 6 NEGERI]**

- **KHIDMAT MEDIATOR KOMUNITI DI 14
PAP DAN 300 PRT**

STRATEGI 2:

**MEMPERLUASKAN JARINGAN
KOLABORASI STRATEGIK BAGI
MENGGERAKKAN PROGRAM PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA**

- **62 PROGRAM KESEPADUAN SOSIAL**

- **66 PROGRAM PROMOSI PERPADUAN**

STRATEGI 3:

MENINGKATKAN TARAF SOSIOEKONOMI
MASYARAKAT INDIA B40

- **BANTUAN PENDIDIKAN DI 363 SJKT**
- **AGIHAN 83,000 KOTAK MAKANAN**
- **RM300 RIBU BANTUAN PUSARA**

FOKUS DAN HALA TUJU TAHUN 2022

15. JIKA TAHUN 2021 TELAH MENYAKSIKAN KITA TELAH BERJAYA MEMBANGUNKAN DASAR DAN PELAN-PELAN TINDAKAN SEPERTI YANG TELAH SAYA SEBUTKAN TADI, MAKA PADA TAHUN INI SEGALA PROGRAM YANG DISUSUN ATUR PERLU DILAKSANAKAN.

16. **TAHUN 2022 INI MERUPAKAN TAHUN PELAKSANAAN. IT'S SHOW TIME.**

17. OLEH YANG DEMIKIAN, KEMENTERIAN TELAH PUN MENGADAKAN ***RETREAT*** PADA 21 HINGGA 23 JANUARI YANG LALU DENGAN OBJEKTIF MENYUSUN GERAK KERJA PROGRAM-PROGRAM MENGIKUT PELAN TINDAKAN YANG TELAH DIHASILKAN MELIBATKAN PEMEGANG TARUH TERMASUK PENERUSI KRT, GURU-GURU TABIKA PERPADUAN DAN NGO SERTA DIBANTU OLEH FASILITATOR YANG BERPENGALAMAN MENGIKUT KEPAKARAN BIDANG MASING-MASING (***SUBJECT MATTER EXPERT***) DARIPADA UKM, USM, UPM DAN UPSI.

18. MELALUI RETREAT YANG TELAH DIADAKAN, SETIAP KUMPULAN TELAH MENCADANGKAN PROGRAM-PROGRAM YANG AKAN DILAKSANAKAN MENGIKUT ***TIMELINE***.

19. SETERUSNYA CADANGAN INI DIPERHALUSI DI PERINGKAT KEMENTERIAN DAN AKAN DIMUKTAMADKAN PADA PETANG INI UNTUK PELAKSANAAN.

20. BAGI MEREALISASIKAN SEMUA PERKARA YANG TELAH DIRANCANG OLEH KEMENTERIAN, SAYA AMAT MEMERLUKAN SOKONGAN PADU DAN KOMITMEN TINGGI DISETIAP PERINGKAT JENTERA PERPADUAN.

PENUTUP

21. TAHUN BAHARU 2022 INI PASTINYA AKAN MEMPUNYAI KISAH DAN PERISTIWA YANG TERSENDIRI. CABARAN YANG DATANG MUNGKIN BERBEZA DARIPADA APA YANG PERNAH KITA ALAMI. ADALAH PENTING UNTUK KITA SAMA-SAMA MENDEPANINYA

DENGAN KESUNGGUHAN, KEBERANIAN
DAN PENUH SEMANGAT PERPADUAN
ANTARA KITA. MARILAH KITA SAMA-SAMA
BERUSAHA MEMASTIKAN **“CABARAN
DIDEPANI, ASPIRASI DIGAPAI”**.